

Tinjauan Ekonomi Antarabangsa

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2001 jauh lebih perlahan berpunca daripada kelembapan ketara yang dialami oleh ekonomi perindustrian utama. Pertumbuhan perlahan ini bermula terutamanya di Amerika Syarikat (AS) pada separuh kedua tahun 2000. Kelembapan global disebabkan oleh kemerosotan di AS yang melebihi jangkaan, kelembapan prestasi ekonomi Jepun serta pertumbuhan permintaan domestik dan keyakinan pengguna yang lemah di Eropah. Prospek untuk pemulihan awal di AS dan ekonomi global telah menjadi tidak menentu akibat serangan ke atas AS pada 11 September dan operasi ketenteraan oleh AS dan sekutunya untuk memerangi keganasan.

Sebelum serangan tersebut, pemulihan secara sederhana dijangka, terutamanya ekonomi AS pada awal tahun 2002 dengan tekanan ke atas pertumbuhan global dijangka berkurangan mulai suku keempat tahun 2001. Jangkaan ini berdasarkan kepada beberapa faktor termasuk dasar-dasar fiskal dan kewangan yang longgar di kebanyakan negara-negara perindustrian, penurunan harga minyak dan komoditi utama serta sentimen pengguna yang semakin pulih. Walau bagaimanapun, implikasi ekonomi dan kewangan berikutan dengan insiden baru-baru ini di AS, telah menjejaskan keyakinan pengguna dan sentimen pelabur, justeru itu telah meningkatkan tahap ketidakpastian terhadap pemulihan awal pertumbuhan ekonomi global.

Keluaran Dunia

Pertumbuhan dalam **keluaran dunia** dijangka turun kepada 2.6% (2000: 4.7%), seperti di

Jadual 3.1. Walau bagaimanapun, jangkaan tersebut tidak mengambil kira kesan serangan ke atas AS baru-baru ini serta peristiwa-peristiwa yang bakal berlaku. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar bagi negara-negara maju diramal turun kepada 1.3% (2000: 3.8%) disebabkan oleh kesan kelembapan ekonomi AS, kelemahan ekonomi Jepun yang berterusan, kelemahan permintaan di kawasan euro, penurunan

JADUAL 3.1
Petunjuk-petunjuk Ekonomi Global
(% perubahan)

	KDNK Benar			Inflasi		
	2000	2001 ^a	2002 ^u	2000	2001 ^a	2002 ^u
Dunia	4.7	2.6	3.5	t.d.	t.d.	t.d.
Negara-negara maju	3.8	1.3	2.1	2.3	2.4	1.7
Negara-negara membangun	5.8	4.3	5.3	6.0	5.9	5.1
Negara-negara perindustrian baru	8.2	1.0	4.3	1.2	2.1	2.1
Negara-negara peralihan	6.3	4.0	4.1	20.0	16.4	10.7

^a Anggaran.

^u Unjuran.

t.d. tiada data.

Sumber: IMF World Economic Outlook, October 2001.

perbelanjaan pelaburan dalam sektor maklumat dan teknologi komunikasi (ICT) serta kejatuhan keyakinan pengguna yang mendadak. KDNK benar di negara-negara membangun pada amnya dijangka turun kepada 4.3% (2000: 5.8%) bergantung kepada tahap hubungan dengan AS dari segi perdagangan dan aliran modal masing-masing.

Negara-negara Perindustrian Baru (NIEs) turut dijangka mengalami pertumbuhan yang jauh lebih perlahan iaitu pada 1% (2000: 8.2%) akibat permintaan luar yang lemah terutamanya bagi barangan elektronik disebabkan oleh pendedahan yang tinggi kepada sektor tersebut. Di Amerika Latin, pertumbuhan dijangka mencatatkan penurunan yang ketara kepada 1.7% (2000: 4.2%), disebabkan terutamanya oleh kesan limpahan kelembapan ekonomi AS dan krisis kewangan di Argentina serta krisis tenaga di Brazil. Prospek pertumbuhan di Timur Tengah semakin lemah kepada 2.3% (2000: 6%) akibat penurunan dalam harga dan pengeluaran minyak serta krisis kewangan yang berpanjangan di Turki. Pertumbuhan negara-negara peralihan juga dijangka perlahan iaitu pada 4% (2000: 6.3%) kesan kelembapan di Eropah dan Timur Tengah serta masalah kewangan di Turki. Pertumbuhan di Afrika pula dijangka meningkat kepada 3.8% (2000: 2.8%) didorong oleh keadaan cuaca yang bertambah baik dan suasana politik yang lebih stabil di beberapa negara.

Perdagangan Dunia

Perdagangan dunia bagi barang dan perkhidmatan turun kepada 4% pada tahun 2001 (2000: 12.4%) disebabkan terutamanya oleh kelembapan ekonomi AS, yang merupakan satu perluma daripada jumlah perdagangan dunia dan penurunan ketara dalam permintaan elektronik global. Pertumbuhan eksport pada keseluruhannya turun dengan mendadak, di mana eksport negara-negara maju serta negara-negara membangun, masing-masing dijangka merosot kepada 3% (2000: 11.5%) dan 5% (2000: 15.1%) manakala negara-negara peralihan kepada 7.1% (2000: 16.5%).

Selari dengan pertumbuhan eksport dan aktiviti domestik yang perlahan, import dijangka

mengalami penurunan yang mendadak. Import bagi negara-negara maju dan membangun masing-masing diramal mencatatkan penurunan kepada 3.6% (2000: 11.5%) dan 6.4% (2000: 16.6%) sementara import bagi negara-negara peralihan dijangka mengalami penurunan sederhana kepada 10.1% (2000: 12.9%).

Inflasi Dunia

Inflasi di kebanyakan negara-negara maju dijangka kekal pada tahap rendah iaitu 2.4% (2000: 2.3%) berikutan keadaan deflasi harga yang ketara di Jepun serta kenaikan harga pengguna yang lebih rendah terutamanya di AS dan Eropah. Jangkaan harga minyak dan makanan yang turun pada separuh kedua tahun 2001 akan mengurangkan tekanan harga sepanjang tahun. Di kalangan negara-negara membangun pula, kadar inflasi dijangka berkurangan kepada 5.9% (2000: 6%) manakala di negara-negara peralihan berkurangan kepada 16.4% (2000: 20%) berikutan dengan kelemahan permintaan domestik kesan aktiviti ekonomi yang sederhana. Meskipun begitu, turun naik harga minyak berikutan ketidakstabilan keadaan politik dan ekonomi berkemungkinan menjejaskan usaha-usaha semasa dalam melonggarkan dasar kewangan.

Pasaran Kewangan

Dasar kewangan yang diamalkan di negara-negara maju telah bertambah longgar pada tahun 2001 berbanding dengan tahun lalu. Bermula pada 3 Januari, Lembaga Rizab Persekutuan AS (Fed) telah mengorak langkah dengan menurunkan kadar faedah sebanyak sembilan kali berjumlah 400 mata asas ke paras 2.5% dalam tempoh sepuluh bulan bertujuan menangani kelembapan ekonomi yang ketara dengan menggalakkan aktiviti ekonomi dan penggunaan. Penurunan kadar faedah yang terbaru sebanyak 100 mata asas pada pertengahan September dan awal Oktober telah diambil untuk menangani jangkaan kesan buruk ekoran daripada insiden di AS pada 11 September.

Di Jepun pula, memandangkan permintaan swasta kekal lemah dan aktiviti ekonomi bertambah buruk

dalam keadaan inflasi yang rendah, Bank of Japan (BOJ) telah mengamalkan semula dasar kadar faedah sifar dalam usahanya meningkatkan penggunaan. Pada 18 September, BOJ juga telah mengumumkan langkah-langkah tambahan untuk melonggarkan dasar kewangan berikutan dengan penurunan kadar faedah oleh Fed. Di kawasan euro pula Bank Pusat Eropah (ECB) juga telah mengurangkan kadar faedah sebanyak 50 mata asas pada bulan Mei dan Ogos. ECB turut mengurangkan kadar faedah sebanyak 50 mata asas lagi pada 18 September untuk menangani tekanan inflasi sebagai persediaan menghadapi kesan negatif berikutan serangan ke atas AS. Memandangkan kadar inflasi yang lebih rendah, masih terdapat peluang untuk melaksanakan dasar kewangan yang lebih longgar dalam tempoh yang terdekat.

Prestasi **pasaran saham** dunia kekal mengalami keadaan yang tidak stabil sepanjang tahun 2001, seperti di *Jadual 3.2*, disebabkan kerugian tinggi yang dialami pada tahun sebelumnya berpunca daripada pelaksanaan dasar kewangan tahun 1999 dan 2000 yang bertambah ketat serta keyakinan pengguna dan pelabur yang lemah. Pembetulan teknikal dalam saham-saham ICT turut memberi kesan mendalam ke atas prestasi pasaran-pasaran saham. Prestasi pasaran saham utama dunia yang lemah terus merosot disebabkan kebimbangan mengenai prospek pemulihan ekonomi AS dan pertumbuhan dunia.

Pasaran ekuiti AS mengalami pergolakan berpunca daripada sentimen pelabur yang tidak menentu disebabkan keuntungan sektor korporat yang rendah, peningkatan kadar pengangguran yang ketara serta petunjuk ekonomi yang lemah telah menjejaskan lagi prestasi pasaran. Keadaan ini bertambah buruk dengan serangan ke atas AS pada bulan September yang telah menyebabkan kejatuhan pasaran saham secara mendadak. Pasaran ekuiti AS telah terjejas teruk dengan Indeks Purata Industri Dow Jones menjunam sebanyak 685 mata apabila ia dibuka semula pada 17 September, menggambarkan kejatuhan terbesar dalam tempoh sehari yang pernah dicatatkan.

Sementara itu, prestasi pasaran saham Jepun terus lemah pada tahun 2001. Indeks Nikkei telah menurun kepada tahap yang terendah dalam

jangka masa 17 tahun kepada 10,196 mata pada 10 September berpunca daripada kebimbangan terhadap kesan pengukuhan nilai *yen* hasil daripada pulangan syarikat-syarikat berteknologi tinggi dan penyelesaian terhadap masalah pinjaman tidak berbayar yang lembap dalam sektor perbankan Jepun. Prestasi pasaran saham Jepun terus merosot disebabkan oleh penguncupan dalam KDNK pada suku kedua dan terus terjejas sebanyak 7.1% kepada paras baru yang rendah 9,504 mata pada 17 September, seperti di bursa-bursa yang lain berikutan dengan insiden di AS baru-baru ini.

Pasaran ekuiti di pasaran baru telah merosot dengan ketara disebabkan oleh kebimbangan pelabur mengenai risiko-risiko domestik dan luaran terutamanya masalah kewangan yang dialami semula di Turki dan Argentina. Prestasi di kebanyakan pasaran saham Asia Timur kekal pada tahap yang rendah ataupun menurun, kecuali Republik Rakyat China (China) dan Thailand. Ini mencerminkan arah aliran pasaran saham global dan kemerosotan aktiviti ekonomi serantau yang membawa kepada keuntungan korporat yang rendah. Perkembangan di pasaran saham AS turut menjejaskan prestasi bursa saham serantau dengan indeks pasaran utama mencatatkan paras yang rendah.

Walaupun pertumbuhan ekonomi telah menjadi perlahan, nilai *dolar* AS di **pasaran-pasaran pertukaran asing** telah meningkat pada pertengahan pertama tahun 2001 disokong oleh kekukuhan ekonomi AS. Walau bagaimanapun, sejak bulan Julai nilai *dolar* AS telah mula susut berbanding dengan *euro* dan *yen* disebabkan perubahan tanggapan pasaran mengenai kedudukan dasar kewangan Pentadbiran AS. Sentimen yang lemah terhadap *dolar* AS bertambah buruk berikutan jangkaan bahawa kelemahan sektor pembuatan turut merebak ke sektor ekonomi yang lain dan kemungkinan kemerosotan nilai *dolar* disebabkan oleh defisit akaun semasa yang besar. Sejak serangan ke atas AS, nilai *dolar* telah susut pada kadar 3-4% berbanding dengan *yen* dan *euro*. Walaupun prestasi pasaran saham Jepun lemah dan deflasi yang berterusan, nilai *yen* pula terus mantap disokong oleh keraguan mengenai dasar *dolar* AS yang kukuh.

Nilai *euro* pula yang pada mulanya rendah telah bertambah kukuh berbanding dengan *dolar* AS disokong oleh nilai *dolar* AS yang lemah serta potongan kadar faedah yang dijangka dilaksanakan oleh ECB. Serangan ke atas AS baru-baru ini telah menyebabkan nilai *dolar* AS susut berbanding dengan mata wang utama yang lain disebabkan aliran modal keluar ke mata wang yang lebih stabil seperti *franc Switzerland*, *euro* dan *sterling*. Ini seterusnya telah mengukuhkan nilai mata wang tersebut.

Nilai kebanyakan mata wang negara Asia Timur yang pada mulanya lemah berbanding *dolar* AS, telah kekal stabil sejak suku kedua yang disokong oleh perkembangan domestik yang menggalakkan. Kelemahan nilai mata wang serantau menggambarkan terutamanya penyusutan nilai *yen*, penurunan eksport, peralihan kepada kadar pertukaran asing yang fleksibel dan penguncupan aliran masuk modal.

Aliran Kewangan Di Pasaran-Pasaran Baru

Buat kali pertamanya sejak pertengahan tahun 90-an, **aliran modal swasta bersih** di pasaran-pasaran baru yang merangkumi pelaburan langsung bersih, pelaburan portfolio bersih dan lain-lain aliran pelaburan jangka pendek dan jangka panjang termasuk pinjaman rasmi dan persendirian, dianggarkan menjadi negatif dan mencatat pengaliran keluar bersih sebanyak USD1,400 juta pada tahun 2001, seperti di *Jadual 3.3*. Kemerosotan ini berpunca daripada pergolakan pasaran disebabkan para pelabur mengelak daripada mengambil risiko serta asas-asas ekonomi yang lemah di beberapa negara.

Sejak 1997, aliran modal swasta di **negara-negara dilanda krisis** iaitu Filipina, Indonesia, Republik Korea, Malaysia, dan Thailand telah mengalami aliran keluar bersih. Pada tahun 2001, pengaliran keluar tersebut dijangka meningkat kepada USD28,900 juta. Di **pasaran-pasaran baru Asia yang lain**, pengaliran modal swasta bersih telah bertambah baik sejak 1999 dan dijangka terus mencatat pengaliran modal positif sebanyak USD6,600 juta pada tahun 2001. Hong Kong Kawasan Pentadbiran Khas (SAR) pula dijangka mencatat aliran masuk bersih yang tertinggi di rantau ini, iaitu sebanyak USD1,600 juta.

Negara-negara **Timur Tengah dan Eropah Tengah** yang mencatatkan aliran modal swasta bersih yang tinggi berjumlah USD22,400 juta pada tahun 1997 semasa krisis Asia Timur telah mengalami pengaliran keluar modal bersih mulai tahun 1999 dan mencatatkan sebanyak USD34,000 juta pada 2001. Sementara itu, pasaran-pasaran baru di **Amerika Latin** pula dijangka terus mencatatkan pengaliran masuk

JADUAL 3.2

Pasaran Saham dan Tukaran Asing

	1 September 1998	28 September 2001	Perubahan (%)
Pasaran Saham			
Indeks Komposit KL	262.70	615.34	134.2
Jakarta	325.85	392.48	20.4
Bangkok	211.09	277.04	31.2
Manila	1,191.76	1,126.63	-5.5
Singapura	823.33	1,319.53	60.3
Seoul	309.71	479.68	54.9
Taipei	6,335.09	3,636.94	-42.6
Hong Kong SAR	7,062.47	9,950.70	40.9
Tokyo	14,369.63	9,774.68	-32.0
Dow Jones	7,827.43	8,847.56	13.0
Mata Wang (Berbanding dengan <i>dolar</i> AS)			
Ringgit Malaysia	3.80	3.80	0
Rupiah Indonesia	10,750.00	9,675.00	11.1
Baht Thai	40.55	44.44	-8.8
Peso Filipina	43.04	51.35	-16.2
Dolar Singapura	1.73	1.77	-2.1
Won Korea	1,344.50	1,309.25	2.7
Dolar Taiwan Baru	34.77	34.53	0.7
Dolar Hong Kong SAR	7.75	7.80	-0.7
Yen Jepun	136.98	119.25	14.9
Euro ¹	—	0.91	—

¹ Dolar AS berbanding dengan *Euro*.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur dan Bank Negara Malaysia.

modal bersih berjumlah USD39,000 juta, walaupun pada kadar yang rendah berbanding jangka masa 1996-1998. Sungguhpun pasaran-pasaran baru dijangka mendapat manfaat dari kadar faedah global yang lebih rendah tetapi pengaliran modal pada tahun 2001 dijangka terus tidak stabil, memandangkan risiko pertumbuhan ekonomi dunia yang bertambah perlahan, kemerosotan ketara di pasaran-pasaran ekuiti utama dan kesan penularan ke atas pasaran-pasaran baru serta pemindahan kepada aset yang lebih selamat dan terjamin.

Pelaburan asing langsung (FDI), yang merupakan sebahagian daripada aliran modal swasta bersih, terus berkembang pesat dan meningkat sebanyak 18% serta mencatatkan

jumlah USD1.3 trilion pada tahun 2000. Sebanyak USD1 trilion atau 75% daripada FDI global terus mengalir ke **ekonomi-ekonomi maju** pada tahun 2000, terutamanya dengan peningkatan bilangan penggabungan dan perolehan syarikat-syarikat besar merentasi sempadan. Aliran FDI ke **negara-negara membangun** terus merosot bagi dua tahun berturut-turut, mencatatkan sejumlah 19% daripada aliran FDI global pada tahun 2000 atau USD240,000 juta berbanding dengan paras tertinggi iaitu 41% yang telah dicatat pada tahun 1994. Aliran FDI global ke **negara-negara peralihan** pula masih kekal pada paras 2% daripada jumlah keseluruhan aliran FDI global atau USD27,000 juta, manakala aliran ke **negara-negara kurang membangun** (LDCs) kekal rendah iaitu sebanyak 0.3% daripada jumlah aliran FDI global.

JADUAL 3.3

**Aliran Modal Swasta Bersih
Pasaran Ekonomi Baru¹**
(USD juta)

	1997	1998	1999	2000	2001 ^a	2002 ^u
Jumlah	119,100	69,100	58,600	500	-1,400	71,000
Negara-negara Asia dilanda krisis ²	-5,900	-31,900	-18,300	-19,800	-28,900	-15,100
Negara-negara Asia Lain	22,300	-14,100	8,900	4,300	6,600	11,600
Hong Kong SAR	11,600	-8,500	1,000	3,800	1,600	-2,600
Timur Tengah & Eropah Tengah	22,400	11,900	-1,100	-26,000	-34,000	-1,800
Amerika Latin	68,300	72,700	44,600	36,700	39,000	57,800
Afrika	8,800	9,800	10,800	3,500	10,800	12,000
Negara-negara Peralihan	3,200	20,700	13,600	2,000	5,100	6,400

¹ Negara-negara membangun, negara-negara peralihan, Republik Korea, Singapura dan Taiwan.

² Indonesia, Republik Korea, Malaysia, Filipina dan Thailand.

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Di kalangan negara-negara membangun, aliran modal ke negara-negara **Asia** meningkat sebanyak 44% berbanding dengan tahun sebelumnya dan mencapai jumlah yang tertinggi sebanyak USD143,000 juta, iaitu 11% daripada jumlah aliran FDI global pada tahun 2000. Peningkatan yang tertinggi dicatat di **Asia Timur Laut**, terutamanya di China, Hong Kong SAR, Republik Korea dan Taiwan, iaitu sebanyak USD121,000 juta atau 9% daripada jumlah aliran FDI global. Di antara ekonomi tersebut, Hong Kong SAR mengalami peningkatan masuk aliran FDI secara mendadak buat kali pertamanya berjumlah USD64,000 juta atau 5% daripada jumlah aliran masuk global. Aliran masuk secara mendadak ini mencerminkan wujudnya pemulihan daripada krisis kewangan baru-baru ini, penempatan modal tambahan oleh syarikat-syarikat antarabangsa untuk mengambil peluang dengan jangkaan kemasukan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) serta penggabungan dan perolehan merentasi sempadan syarikat-syarikat dalam sektor telekomunikasi. Aliran modal ke China meningkat kepada USD41,000 juta atau 3% daripada jumlah aliran FDI global berikutan dengan jangkaan keanggotaannya dalam WTO, tanggapan dasar-dasar baru yang akan dilaksanakan untuk menggalakkan FDI serta peningkatan dalam penggabungan dan perolehan syarikat-syarikat merentasi sempadan.

Aliran FDI ke negara-negara **Association of South-East Asian Nations** (ASEAN) pada tahun 2000 turun dengan ketara kepada USD14,300 juta atau 1% daripada jumlah aliran FDI global dan kekal di bawah paras 3% yang dicapai pada pertengahan dekad 90-an sebelum krisis kewangan melanda Asia Timur. Pengurangan ini disebabkan oleh persaingan sengit untuk menarik FDI oleh negara-negara serantau, terutamanya Hong Kong SAR dan China serta peningkatan pemberhentian pelaburan di Indonesia sejak dilanda krisis. Negara-negara **Asia Selatan** juga mengalami pengurangan aliran FDI sebanyak 1% pada tahun 2000 berbanding dengan tahun sebelumnya. India yang merupakan negara penerima aliran FDI yang tertinggi di benua tersebut, mencatat aliran modal sebanyak USD2,300 juta atau 0.2% daripada jumlah aliran FDI global.

Setelah mengalami peningkatan ketara aliran FDI dalam separuh kedua dekad 90-an, aliran modal ke negara-negara **Amerika Latin dan Caribbean** telah berkurangan kepada USD86,000 juta pada tahun 2000 (1999: USD110,260 juta). Rantau ini menerima sebanyak 7% daripada aliran FDI global. Di kalangan negara-negara Amerika Latin, Brazil menerima aliran FDI yang tertinggi berjumlah USD34,000 juta atau 2.6% daripada jumlah aliran FDI global, terutamanya ke sektor perkhidmatan dan projek penswastaan, manakala Mexico merupakan negara penerima yang kedua terbesar dengan jumlah USD13,000 juta atau 1% daripada jumlah aliran FDI global. Aliran modal ke **Afrika** telah berkurangan kepada USD9,100 juta atau 0.7% daripada jumlah aliran FDI global disebabkan oleh projek-projek penswastaan serta penggabungan dan perolehan syarikat-syarikat yang semakin berkurangan di Afrika Selatan serta pulangan yang rendah dari sektor petroleum di Angola. Walau bagaimanapun, pada tahun 2001 aliran FDI global dijangka merosot disebabkan oleh penggabungan dan perolehan syarikat-syarikat merentasi sempadan yang semakin berkurangan serta kemerosotan dalam aktiviti ekonomi global.

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Maju

Pertumbuhan **negara-negara maju** dijangka berkurangan kepada 1.3% (2000: 3.8%), seperti di *Jadual 3.4*, terutamanya disebabkan oleh kemerosotan ekonomi AS dan kawasan euro serta kelemahan prestasi ekonomi Jepun. Serangan ke atas AS baru-baru ini, dijangka turut meningkatkan ketidakpastian, terutamanya mengenai impak dan tempoh kelembapan di AS dan seterusnya meningkatkan kebimbangan mengenai kemelesetan global. Walau bagaimanapun, usaha-usaha bersama dalam pelbagai aspek terutamanya pelonggaran dasar kewangan dan fiskal bagi menangani keyakinan pengguna dan pelabur yang lemah dijangka membantu mencegah kemungkinan berlakunya kelembapan yang berterusan.

Ekonomi **Amerika Syarikat** mengalami kemerosotan yang mendadak dan dijangka terus lemah bagi tahun 2001 setelah mengalami tempoh

JADUAL 3.4

**Negara-negara Maju Terpilih:
Petunjuk-petunjuk Utama Ekonomi**

	2000	2001 ^a	2002 ^u
Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)			
Negara-negara maju	3.8	1.3	2.1
Amerika Syarikat	4.1	1.3	2.2
Jepun	1.5	-0.5	0.2
United Kingdom	3.1	2.0	2.4
Jerman	3.0	0.8	1.8
Perancis	3.4	2.0	2.1
Itali	2.9	1.8	2.0
Kawasan euro	3.5	1.8	2.2
Inflasi (%)			
Negara-negara maju	2.3	2.4	1.7
Amerika Syarikat	3.4	3.2	2.2
Jepun	-0.6	-0.7	-0.7
United Kingdom	2.1	2.2	2.4
Jerman	2.1	2.5	1.3
Perancis	1.8	1.8	1.1
Itali	2.6	2.6	1.6
Kawasan euro	2.4	2.7	1.7
Pengangguran (%)			
Negara-negara maju	5.8	6.0	6.2
Amerika Syarikat	4.0	4.7	5.3
Jepun	4.7	5.0	5.6
United Kingdom	5.6	5.2	5.3
Jerman	7.5	7.5	7.9
Perancis	9.5	8.7	8.5
Itali	10.6	9.5	9.1
Kawasan euro	8.8	8.4	8.4
Imbangan Akaun Semasa (USD juta)			
Negara-negara maju	-248,400	-223,100	-200,500
Amerika Syarikat	-444,700	-407,100	-404,900
Jepun	116,900	88,800	108,900
United Kingdom	-24,500	-23,300	-29,500
Jerman	-19,400	-14,400	-9,300
Perancis	23,800	32,000	35,000
Itali	-5,700	-900	1,100
Kawasan euro	-6,500	15,500	26,200


^a Anggaran.^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, October 2001.

perkembangan ekonomi yang kukuh hampir sedekad. Pertumbuhan KDNK benar dijangka turun dengan ketara kepada 1.3% (2000: 4.1%). Jangkaan ini tidak mengambil kira kemungkinan ekonomi mengalami kemelesetan berikutan insiden 11 September. Penurunan mendadak mulai akhir tahun 2000 adalah berpunca daripada kelemahan sentimen perniagaan berikutan dengan kejatuhan yang ketara dalam peralatan ICT dan perbelanjaan ke atas perisian, kadar faedah yang tinggi, kenaikan harga tenaga dan penurunan harga ekuiti yang mendadak terutamanya saham teknologi. Kejatuhan pasaran saham seterusnya memperlambatkan pertumbuhan ekonomi menerusi kesan kekayaan negatif yang membawa kepada penurunan permintaan domestik yang ketara dan kemerosotan keyakinan pengguna dan perniagaan. Pengeluaran sektor pembuatan menguncup berpunca daripada jualan yang lembap, stok inventori yang meningkat, khususnya bagi sektor semikonduktor dan komputer peribadi, yang seterusnya menyebabkan pengurangan dalam pengeluaran yang membawa kepada pengurangan dalam pendapatan korporat dan peluang pekerjaan.

Dalam usaha meningkatkan permintaan, dasar kewangan telah dilonggarkan dengan memotong kadar faedah sehingga awal Oktober sebanyak sembilan kali berjumlah 400 mata asas ke paras 2.5%, sementara dasar fiskal turut dilonggarkan dengan potongan cukai berjumlah USD38,000 juta. Tekanan inflasi adalah pada tahap yang rendah, berkurangan kepada 3.2% (2000: 3.4%) kesan daripada perbelanjaan pengguna yang lemah berikutan daripada peningkatan kadar pengangguran kepada 4.7% (2000: 4%). Sehingga September, hampir tujuh juta orang telah menganggur. Akaun semasa terus kekal defisit kepada 4% daripada KDNK (2000: 4.5% daripada KDNK) kesan daripada pasaran eksport yang lemah, khususnya bagi barangan berteknologi tinggi dan kekukuhan nilai *dolar* AS berbanding dengan mata wang lain. Berikutan daripada serangan ke atas AS baru-baru ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sejumlah USD40,000 juta untuk kerja-kerja keselamatan, pembinaan dan pemulihan semula manakala USD15,000 juta untuk menyelamatkan syarikat-syarikat penerbangan dan pengangkutan kargo daripada kebangkrutan.

CARTA 3.1
Arah Aliran Semasa Penentu Ekonomi
Negara-Negara Perindustrian



¹ Angka bagi 2001 adalah anggaran.

² Kadar faedah purata yang diwajibkan oleh nilai purata dalam dolar AS.

³ Kadar purata hasil bon-bon Kerajaan.

⁴ Sehingga bulan Oktober 2001.

⁵ Akhir tempoh kecuali 2001, sehingga bulan September.

⁶ Mata wang euro diperkenalkan pada 1999.

Sumber: IMF World Economic Outlook, Oktober 2001.

Di **kawasan euro**, kemerosotan yang bermula pada pertengahan kedua tahun 2000, dijangka bertambah teruk mencatatkan 1.8% pada tahun 2001 (2000: 3.5%). Pertumbuhan yang lembap berpunca daripada permintaan domestik yang lemah kesan daripada kenaikan harga minyak dalam tahun 2000, jangkitan penyakit lembu gila serta penyakit mulut dan kaki, keadaan cuaca buruk, kenaikan harga makanan dan dijejaskan lagi oleh sektor luaran yang lemah. Kelemahan pasaran ekuiti dan prestasi sektor teknologi serta pertumbuhan yang rendah dalam sektor pekerjaan telah memburukkan lagi keadaan ini. Permintaan domestik yang semakin lemah terutamanya di Jerman dan Itali, menggambarkan tahap penggunaan swasta yang lembap serta jumlah pelaburan tetap kasar yang rendah. Kadar inflasi di kawasan euro yang pada awalnya meningkat secara ketara disebabkan oleh harga minyak dan makanan yang tinggi dijangka turun dengan sederhana kepada 2.7% (2000: 2.4). Ekonomi-ekonomi euro telah mengambil langkah bagi menangani kemerosotan ekonomi dengan menyuntik kecairan yang secukupnya ke dalam sistem kewangan dan menurunkan kadar faedah.

Di kalangan negara-negara euro, pertumbuhan di **Jerman** merosot dengan ketara disebabkan oleh kesan kenaikan harga tenaga dalam tahun 2000 dan kejatuhan mendadak dalam permintaan eksport global, yang menjejaskan keyakinan pelabur dan pertumbuhan eksport. Pertumbuhan KDNK benar dijangka perlahan kepada 0.8% (2000: 3%) berikutan daripada kemerosotan perdagangan yang ketara. Pertumbuhan di **Itali** juga dijangka berkurangan kepada 1.8% (2000: 2.9%) kesan daripada prestasi eksport yang lemah. KDNK benar bagi **Perancis** diunjurkan turun kepada 2% (2000: 3.4%) berikutan impak kelembapan dan kemerosotan global dalam sektor ICT. Walau bagaimanapun, antara tiga buah ekonomi euro yang terbesar ekonomi Perancis kekal kukuh berbanding dengan ekonomi negara yang lain memandangkan perbelanjaan isirumah meningkat semula berikutan dengan pewujudan peluang pekerjaan yang pesat, pemotongan cukai dan keyakinan pengguna yang semakin mantap.

Di luar kawasan euro, kadar pertumbuhan di **United Kingdom** diramalkan turun kepada 2% (2000: 3.1%). Sektor pembuatan terus terjejas berikutan kukuh nilai *sterling* yang mana mengurangkan daya saingnya serta permintaan global yang perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dijangka disokong oleh dasar kewangan yang longgar, potongan cukai dan pemulihan yang kukuh di dalam perbelanjaan awam bagi infrastruktur dan pembangunan sumber manusia. Kadar pengangguran dijangka turun kepada 5.2% (2000: 5.6%), manakala inflasi kekal rendah pada paras 2.2% (2000: 2.1%). Defisit akaun semasa dianggarkan mencatat USD23,300 juta atau 1.7% daripada KDNK (2000: 1.7% daripada KDNK).

Kedudukan Ekonomi Negara-Negara Membangun

Negara-negara membangun dijangka mengalami pertumbuhan yang perlahan pada kadar 4.3% (2000: 5.8%) terutamanya berpunca daripada kelembapan ekonomi AS dan kejatuhan permintaan global terhadap barangan elektronik. Ekonomi-ekonomi Asia yang telah kembali pulih pada tahun 2000 daripada krisis kewangan tahun 1997-1998 turut diramalkan mengalami pertumbuhan yang perlahan ekoran tahap kebergantungannya yang tinggi terhadap sektor eksport. Negara-negara **Amerika Latin** yang terdedah kepada kelembapan ekonomi AS serta penularan krisis di Argentina dan krisis tenaga di Brazil, juga dijangka mengalami penurunan yang ketara iaitu 1.7% (2000: 4.2%).

Ekonomi-ekonomi ASEAN

Hampir keseluruhan ekonomi-ekonomi **ASEAN** telah terjejas dengan ketara kesan daripada kelembapan ekonomi global yang di luar jangkaan, seperti di *Jadual 3.5*. Penurunan yang dialami oleh setiap negara ASEAN adalah bergantung kepada beberapa faktor terutamanya tahap pergantungan kepada barangan elektronik dan eksport masing-masing ke AS. Walau bagaimanapun, dengan asas makroekonomi yang bertambah kukuh sejak krisis kewangan Asia yang lalu, ekonomi di rantau ini adalah lebih

JADUAL 3.5			
Negara-negara ASEAN Terpilih: Petunjuk-petunjuk Utama Ekonomi			
	2000	2001 ^a	2002 ^u
Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)			
Brunei Darussalam	3.0	2.7	2.5
Indonesia	4.8	3.0	4.3
Malaysia	8.3	1 - 2	4 - 5
Filipina	4.0	2.5	3.5
Singapura	9.9	-0.2	4.0
Thailand	4.4	2.0	4.0
Vietnam	5.5	4.5	6.0
Kadar Inflasi (%)			
Brunei Darussalam	1.5	2.1	2.0
Indonesia	3.8	10.8	7.0
Malaysia	1.6	1.3	<2.0
Filipina	4.3	6.5	5.7
Singapura	1.4	1.5	1.7
Thailand	1.5	2.5	2.7
Vietnam	-1.7	0.6	4.3
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
Brunei Darussalam	75.5	71.2	48.3
Indonesia	5.2	3.2	2.0
Malaysia	9.4	7.3	7.7
Filipina	12.5	6.4	7.2
Singapura	23.7	21.0	19.8
Thailand	7.5	4.4	3.2
Vietnam	2.1	1.3	-2.7
^a Anggaran.			
^u Unjuran.			
Sumber: IMF World Economic Outlook, October 2001.			

bersedia untuk menghadapi sebarang kejutan luar.

Singapura telah mengalami kemelesetan teknikal apabila mencatatkan pertumbuhan negatif secara berturut-turut bagi suku pertama dan kedua tahun 2001 disebabkan terlalu bergantung kepada eksport barangan elektronik. KDNK benar dijangka mencatatkan penguncupan 0.2% (2000: 9.9%), manakala kadar pengangguran meningkat kepada 3.2% (2000: 3.1%). Kadar inflasi dijangka kekal

rendah pada paras 1.5% (2000: 1.4%) disebabkan oleh sentimen pengguna yang lemah serta jualan runcit yang rendah. Kejatuhan eksport telah menyebabkan lebih akaun semasa mencatatkan penurunan kepada 21% daripada KDNK (2000: 23.7%). Akibat daripada kelembapan tersebut, Kerajaan Singapura telah memperkenalkan pakej rangsangan fiskal bernilai USD1,200 juta pada penghujung Julai 2001.

Setelah mengalami pertumbuhan yang mantap selama dua tahun berturut-turut selepas krisis, KDNK **Thailand** diramalkan mengalami kelembapan dan dijangka turun kepada 2% (2000: 4.4%). Prestasi eksport yang terjejas ekoran daripada persekitaran global yang lembap, kebimbangan terhadap proses penstrukturan semula hutang dan pelaksanaan langkah-langkah fiskal yang perlahan, harga minyak yang tinggi, kenaikan tarif elektrik serta nilai *baht* yang lemah telah meningkatkan lagi ketidakpastian dalam prospek pertumbuhannya. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 2.5% (2000: 1.5%), manakala kadar pengangguran juga terus naik. Beberapa langkah rangsangan telah dilaksanakan termasuk menangguhkan kenaikan cukai nilai tambahan (VAT), menggantung kredit kepada petani selama 3 tahun serta penubuhan oleh kerajaan satu syarikat pengurusan aset bagi menyelesaikan hutang tidak berbayar dalam sektor perbankan. Kerajaan juga telah mengumumkan pakej rangsangan tambahan berjumlah USD1,100 juta bagi memulihkan permintaan domestik.

Di **Filipina**, kelembapan ekonomi global, kelemahan sektor kewangan, kedudukan fiskal yang tidak seimbang serta kelembapan dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan dijangka menyebabkan pertumbuhan yang perlahan pada kadar 2.5% (2000: 4%). Pengangguran dijangka meningkat dan kadar inflasi dijangka naik kepada 6.5% (2000: 4.3%) lanjutan daripada kesan tertangguh daripada kenaikan harga minyak serta peningkatan dalam perbelanjaan pengguna. Kerajaan telah melaksanakan program mengurangkan defisit belanjawan bagi memastikan kedudukan kewangan yang stabil dan mapan.

Pertumbuhan KDNK **Indonesia** dijangka turun kepada 3% (2000: 4.8%) ekoran daripada kelembapan yang dialami oleh persekitaran

domestik dan luaran. Prestasi di kalangan rakan-rakan dagangan utama yang lemah turut menyumbang kepada kelembapan sektor dagangannya. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah program yang bermatlamat memulihkan keyakinan dengan membendung kadar inflasi dan mengukuhkan pengurusan kewangan awam, di samping menggalakkan pemulihan pelaburan dan pengeluaran dengan mempercepatkan pengambilalihan aset serta langkah-langkah perubahan struktur.

Ekonomi Negara-negara Asia Timur

Pertumbuhan ekonomi di **negara-negara Asia Timur** dijangka turun kepada 6.2% (2000: 8%) berikutan dengan pertumbuhan global dan permintaan elektronik dunia yang perlahan. Eksport negara-negara serantau yang lemah telah menyebabkan kadar pertumbuhan turun dengan mendadak terutamanya bagi negara-negara yang terlalu bergantung kepada eksport elektronik. Sejak awal tahun, pasaran-pasaran saham serantau telah mengalami pergolakan yang lebih besar, terutamanya di dalam sektor ICT, manakala pertumbuhan yang perlahan diiringi oleh nilai mata wang serantau yang kian merosot. Walaupun permintaan semakin lemah, harga pengguna dijangka meningkat disebabkan oleh penyusutan nilai mata wang dan kesan tertangguh akibat kenaikan harga tenaga sebelum ini.

Ekonomi **Jepun**, walaupun pada mulanya menunjukkan tanda-tanda pemulihan pada tahun lepas menjadi semakin perlahan daripada yang dijangkakan. KDNK benar dijangka menguncup kepada 0.5% (2000: 1.5%), seperti di *Jadual 3.6* berikutan daripada kelemahan berterusan ke atas keyakinan pengguna dan permintaan luar serta kebimbangan mengenai langkah-langkah penstrukturan yang perlahan dan masalah berterusan dalam sektor kewangan. Penggunaan swasta yang lemah dijangka terus merosot berikutan dengan ketidakpastian di dalam prospek ekonomi, pasaran buruh yang berterusan lemah serta pendapatan isirumah yang rendah. Pertumbuhan eksport yang lemah dijangka melembapkan permintaan domestik sementara pelaburan swasta diramalkan merosot. Di sektor luar, perdagangan dijangka turun dengan jumlah

JADUAL 3.6

**Ekonomi-ekonomi Asia Timur:
Petunjuk-petunjuk Utama Ekonomi**

	2000	2001 ^a	2002 ^u
Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)			
Jepun	1.5	-0.5	0.2
China	8.0	7.5	7.1
Republik Korea	8.8	2.5	4.5
Taiwan	6.0	-1.0	4.0
Kadar Inflasi (%)			
Jepun	-0.6	-0.7	-0.7
China	0.4	1.0	1.5
Republik Korea	2.3	4.4	3.4
Taiwan	1.3	0.1	0.8
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
Jepun	2.5	2.2	2.6
China	1.9	1.0	0.2
Republik Korea	2.4	2.6	2.1
Taiwan	2.9	2.5	2.6

^a Anggaran.^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, October 2001.

import dan eksport di dalam semua pasaran utama berkurangan. Harga pengguna dijangka mengalami deflasi yang berlarutan kepada 0.7% (2000: -0.6%), manakala kadar pengangguran dijangkakan meningkat kepada 5% (2000: 4.7%), iaitu kadar yang paling tinggi sejak Perang Dunia Kedua.

Ekonomi **China** mengalami kesan yang minimum akibat daripada kelembapan ekonomi global dan terus mengekalkan pertumbuhannya yang menggalakkan. Negara China dijangka mencatatkan pertumbuhan KDNK benar yang kukuh pada kadar 7.5% (2000: 8%). Pertumbuhan tersebut disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, dasar ekonomi makro yang menggalakkan dan usaha penstrukturan semula yang berterusan.

Dasar fiskal yang bersesuaian dengan nisbah defisit kepada KDNK dikekalkan sebanyak 3%, polisi kewangan yang longgar dan pengeluaran produk berteknologi tinggi yang meningkat oleh syarikat-syarikat asing dijangka menandakan lagi pertumbuhan ekonomi. Jangkaan kemasukan China ke dalam WTO diramal akan membuka pasaran yang lebih luas serta menggiatkan lagi proses integrasi ekonominya dengan ekonomi global. Dengan sentimen pengguna yang semakin pulih berikutan peningkatan dalam upah sektor awam dalam persekitaran di mana kadar faedah adalah rendah, harga pengguna dijangka meningkat secara sederhana kepada 1% (2000: 0.4%).

Ekonomi **Republik Korea** dijangka merosot dengan mendadak kepada 2.5% (2000: 8.8%) yang sebelum ini mengalami prestasi yang kukuh selepas krisis kewangan Asia berikutan dengan penurunan eksport elektronik serta permintaan domestik. Kemerosotan jualan runcit dan aktiviti pembinaan dijangka melemahkan lagi aktiviti ekonomi. Inflasi diramal meningkat kepada 4.4% (2000: 2.3%), terutamanya berpunca daripada kenaikan harga bahan api, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan makanan. Sejak krisis, Kerajaan telah menekankan lagi penstrukturan semula sektor awam, buruh, korporat dan kewangan untuk menyelesaikan masalah struktur ekonomi domestik. Dengan kejayaan pelaksanaan penstrukturan peringkat yang pertama dan kedua, krisis kewangan dapat dikurangkan di dalam jangka masa yang singkat. Ini membolehkan pihak Kerajaan membayar sepenuhnya pinjaman Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) lebih awal daripada yang dijadualkan. Usaha ini diteruskan dengan pelancaran peringkat yang ketiga pada Januari 2001. Memandangkan prospek prestasi pasaran luar yang lemah, pihak Kerajaan telah melaksanakan pakej tambahan rangsangan fiskal berjumlah USD7,800 juta bagi mengukuhkan permintaan domestik.

Pertumbuhan ekonomi **Taiwan** dijangka menguncup kepada 1% (2000: 6%) akibat kejatuhan sektor ICT global dan kelemahan permintaan domestik, di mana barangan yang berasaskan ICT menyumbangkan sebanyak satu pertiga daripada jumlah keseluruhan eksportnya. Prestasi pasaran saham yang lemah dan kemerosotan sektor hartanah serta peningkatan

pengangguran dan harga pengguna dijangka menjejaskan lagi keyakinan pengguna. Di samping melaksanakan pembaharuan-pembaharuan di dalam sektor kewangan, Taiwan juga telah melancarkan pakej rangsangan berjumlah ASD1,800 juta untuk mengatasi kelemahan dan mengembalikan keyakinan pengguna.

Amerika Latin

Berikutan daripada pemulihan ekonomi yang mantap di **Amerika Latin** pada tahun 2000, pertumbuhannya dijangka turun kepada 1.7% (2000: 4.2%), seperti di *Jadual 3.7* berpunca daripada kesan penularan kelembapan ekonomi AS, penurunan harga komoditi, keadaan pasaran kewangan antarabangsa yang semakin tidak menentu dan masalah makroekonomi domestik seperti kemelesetan di Argentina serta kesan limpahannya ke atas negara-negara Amerika Latin yang lain. Tambahan pula, kesan kelembapan pertumbuhan ekonomi AS telah menular ke Amerika Latin melalui hubungan perdagangan dan aliran pelaburan yang rapat dengan negara tersebut. Walau bagaimanapun, tahap pergantungan eksport ke AS berbeza-beza di mana Mexico memperoleh 90% daripada pendapatan eksportnya, manakala Argentina pula hanya memperoleh 15% sahaja. Apa yang pasti ialah kemerosotan yang berterusan di AS akan menjejaskan aliran modal ke pasaran Amerika Latin. Dengan kadar tabungan domestik yang rendah dan hutang luar negara yang tinggi, rantau ini amat bergantung kepada sumber kewangan luar. Tambahan pula, harga komoditi yang lebih rendah telah memberi kesan negatif kepada rantau ini memandangkan komoditi merupakan sumber pendapatan eksport yang penting kepada semua negara Amerika Latin. Pada masa yang sama, penyusutan kadar pertukaran, hutang sektor awam dan kadar faedah yang tinggi telah menambahkan tekanan kepada prestasi ekonomi rantau ini.

Sejak pertengahan 1998, **Argentina** telah menghadapi masalah fiskal dan kewangan yang semakin meruncing serta dirumitkan lagi oleh masalah kemerosotan persekitaran ekonomi global. Pertumbuhan KDNK benar dijangka menguncup iaitu kepada 1.4% (2000: -0.5%). Di **Brazil**, kejatuhan ketara dalam kadar syarat

perdagangan dan penurunan nilai *real* Brazil telah melemahkan daya saingnya. KDNK benar dijangka turun kepada 2.2% (2000: 4.5%). Kerajaan telah melaksanakan satu program ekonomi untuk memperbaiki kedudukan fiskalnya dengan mengukuhkan sistem cukai negara tersebut serta menyuntik USD29,500 juta pinjaman secara swap untuk meningkatkan penggunaan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, keadaan ini dijangka terus rapuh disebabkan kelembapan aktiviti ekonomi dan keyakinan yang lemah.

Afrika

Pertumbuhan di **Afrika** dijangka meningkat kepada 3.8% (2000: 2.8%), seperti di *Jadual 3.7* didorong oleh pertumbuhan negara-negara pengeksport minyak di utara dan di barat Afrika, pemulihan ekonomi yang pesat di Afrika Selatan serta pembaharuan makroekonomi dan struktural yang dilaksanakan di beberapa negara. Negara-negara pengimport minyak pula dijangka terjejas teruk akibat kenaikan harga minyak yang tinggi dan kekangan kewangan luaran. Di **Afrika Selatan**, pendedahan kepada kejutan luaran berjaya dikurangkan dengan pelaksanaan polisi makroekonomi yang kukuh dan perbelanjaan awam yang berhemat. Pertumbuhan KDNK benar dijangka turun kepada 2.8% (2000: 3.4%), manakala kebanyakan ekonomi **negara-negara Sub-Sahara Afrika** yang amat bergantung kepada eksport komoditi utama akan terus terdedah kepada harga komoditi yang tidak stabil. Pada tahun 2001, harga yang rendah untuk komoditi pertanian seperti kopi, koko, kapas, tembakau serta hasil galian seperti tembaga, aluminium dan emas dijangka terus menyebabkan pengurangan dalam pendapatan eksport bagi ekonomi-ekonomi tersebut. Di kalangan **negara-negara kurang membangun** di Afrika, Botswana, Cameroon, Mozambique, Tanzania dan Uganda dijangka mencatat pertumbuhan KDNK benar yang kukuh iaitu 5% ke atas yang mencerminkan dasar makroekonomi dan struktural yang kukuh.

Timur Tengah

Turun naik harga minyak dijangka mempengaruhi prestasi pertumbuhan ekonomi Timur Tengah.

JADUAL 3.7

**Negara-Negara Membangun
Petunjuk-petunjuk Utama Ekonomi**

	KDNK benar (%)			Inflasi (%)			Imbangan Akaun Semasa (USD juta)		
	2000	2001 ^a	2002 ^u	2000	2001 ^a	2002 ^u	2000	2001 ^a	2002 ^u
Amerika Latin	4.2	1.7	3.6	8.1	6.2	4.9	-48,600	-57,900	-62,400
Afrika	2.8	3.8	4.4	13.6	12.6	8.0	2,100	-3,900	-6,400
Timur Tengah ¹	6.0	2.3	4.8	19.2	18.9	14.5	60,900	62,200	37,000
Asia	6.8	5.8	6.2	1.9	2.8	3.3	45,800	22,000	8,700

¹ Termasuk Malta and Turki.

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, October 2001.

Pertumbuhan KDNK benar dijangka berkurangan kepada 2.3% (2000: 6%), seperti di *Jadual 3.7* terutamanya disebabkan oleh kuota pengeluaran minyak yang dikenakan oleh Organisasi Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC). Hasil minyak yang tinggi pada tahun 2000 telah memperbaiki keadaan fiskal dan imbalan luaran di kebanyakan negara-negara pengeksport minyak terutamanya Arab Saudi, Kuwait, Oman dan Yemen.

Inisiatif perdagangan serantau termasuk rundingan Perjanjian Bersama dengan Kesatuan Eropah yang merangkumi Mesir dan Jordan serta kemasukan negara-negara tersebut ke WTO dijangka merangsangkan pertumbuhan yang pesat di rantau ini. Kebanyakan negara sedang melaksanakan langkah-langkah pembaharuan seperti memperbaiki peningkatan kecekapan sektor awam, memperkenalkan program penswastan dan menarik balik kawalan ke atas aktiviti ekonomi untuk menggalakkan pelaburan domestik dan asing.

Asia Selatan

Pertumbuhan KDNK benar di **Asia Selatan** dijangka perlahan pada 4.5% (2000: 5.8%) terutamanya dipengaruhi oleh prestasi ekonomi India. Secara keseluruhannya, negara-negara Asia Selatan amat bergantung kepada import bahan-bahan tenaga dan eksport hasil pertanian serta terus terdedah kepada persekitaran ekonomi global dan keadaan cuaca yang tidak menentu. Ekonomi **India** yang sejak kebelakangan mengalami peningkatan diramalkan perlahan pada kadar 4.5% (2000: 6%) disebabkan oleh peningkatan harga bahanapi serta kejadian kemarau, banjir dan gempa bumi yang dialami pada tahun 2001. Sektor ICT yang menyumbang 10% kepada jumlah eksportnya pula tidak terjejas akibat kelembapan global dan masih dapat bersaing memandangkan pembangunan perisian dan perkhidmatan berkaitan adalah pada kos yang rendah. Sektor ini terus menarik masuk pelaburan asing seterusnya membawa kepada


pembaharuan asas dalam komposisi eksportnya.

Di **Pakistan** pula, pertumbuhan KDNK benar dijangka terus kekal pada 3.9% (2000: 3.9%). Sektor luarannya terus lemah dan rizab terus berkurangan, sementara nilai mata wangnya mengalami kesan daripada penyusutan nilai mata wang negara-negara lain di rantau ini. KDNK benar **Sri Lanka** dijangka mantap pada 4.5% (2000: 6%) disokong oleh permintaan kukuh ke atas dua eksport utamanya, iaitu pakaian dan teh.

Keadaan Ekonomi Negara-Negara Peralihan

Aktiviti ekonomi **negara-negara peralihan** diunjurkan turun secara keseluruhannya kepada 4% (2000: 6.3%) terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak dan prestasi lemah di kalangan rakan-rakan dagangan, terutamanya Eropah. Cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh **Republik Asia Tengah** seperti **Azerbaijan** dan **Mongolia** ialah saiz ekonominya yang kecil, terpisah dari pasaran dunia, terasing untuk sekian lama daripada teknologi global dan aliran modal, terlalu bergantung kepada pengeluaran tenaga asas, bahan galian dan komoditi serta terdedah kepada kejutan luaran berikutan daripada turun naik harga minyak dan komoditi antarabangsa. Peningkatan harga tenaga domestik dan pengangkutan pada tahun 2000 telah memberi kesan kepada sektor pengeluaran. Penarikan balik subsidi-subsidi fiskal oleh Kerajaan Soviet telah menjejaskan lagi penyediaan perkhidmatan dan kemudahan awam serta meluaskan keadaan kemiskinan. Bagi **Rusia**, KDNKnya dijangka turun kepada 4% (2000: 8.3%) akibat peningkatan harga tenaga domestik dan nilai *rouble*. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di kebanyakan negara-negara peralihan dijangka bertambah baik dengan pelaksanaan pembaharuan struktur dan institusi seperti penarikan kawalan terhadap perusahaan kecil dan sederhana serta pembaharuan dalam sistem elektrik, jalan keretapi dan pencen.

CARTA 3.2
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama
Negara-Negara Membangun



Kerjasama Kewangan Serantau

Krisis kewangan yang melanda rantau Asia pada 1997-1998 telah menunjukkan kerapuhan sistem kewangan serantau dan global terhadap kejutan luaran dan risiko sistemik. Krisis tersebut telah menunjukkan tahap integrasi dan saling pergantungan yang tinggi di antara pasaran global dan serantau dan menonjolkan betapa perlunya kelemahan sistem kewangan antarabangsa ditangani. Selain daripada usaha-usaha yang telah dilaksanakan di peringkat domestik untuk mengukuhkan asas-asas makroekonomi, beberapa usaha dan langkah telah dilancarkan terutamanya di peringkat forum serantau termasuk ASEAN, ASEAN+3 (China, Jepun dan Republik Korea), Kumpulan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) dan Kumpulan 15 (G-15). Usaha-usaha tersebut tertumpu kepada melengkap serta menambahkan inisiatif di peringkat negara dengan keutamaan diberi kepada pengukuhan sistem kewangan,

penstrukturan semula sektor korporat dan kewangan, peningkatan keupayaan kemahiran, pembaharuan arkitektur kewangan antarabangsa serta kajian ke atas cabaran dan risiko akibat globalisasi.

Menteri-Menteri Kewangan ASEAN dan ASEAN+3 telah mencapai kemajuan ketara dalam penubuhan mekanisme sokongan dan bantuan sendiri serantau untuk membantu negara-negara anggota yang menghadapi masalah kecairan sementara atau masalah imbalan pembayaran. Mekanisme tersebut terdiri daripada Pengaturan Swap ASEAN yang berkuatkuasa pada 17 November 2000 serta Pengaturan Swap Dua-Hala yang telah dipersetujui bersama oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN dan ASEAN+3 di Chiang Mai pada 6 Mei 2000.

Kemudahan **Pengaturan Swap ASEAN** telah diperluaskan daripada lima anggota asal kepada sepuluh anggota ASEAN serta saiz dana telah diperbesarkan daripada USD200 juta kepada USD1,000 juta. Dengan adanya kemudahan Pengaturan Swap ASEAN, negara-negara anggota boleh mendapatkan bantuan swap jangka pendek dengan serta merta dan tanpa syarat sekiranya menghadapi masalah kecairan sementara atau masalah imbalan pembayaran.

Penubuhan rangkaian **Pengaturan Swap Dua-Hala** di kalangan anggota-anggota ASEAN+3 adalah selaras dengan usaha negara-negara Asia Timur untuk menggalakkan dialog polisi dan mekanisme sokongan sendiri serantau serta usaha kerjasama serantau bagi tujuan mengukuhkan lagi kestabilan kewangan. Pengaturan swap dua-hala membolehkan negara-negara anggota membuat pengeluaran sehingga 10% daripada jumlah kemudahan tanpa sebarang syarat IMF. Dari segi pelaksanaannya, kemajuan yang ketara telah dicapai di pihak Jepun dengan termeterainya perjanjian dengan Republik Korea, Thailand, Filipina dan Malaysia. Jepun telah memeterai pengaturan swap *dolar-won* dengan Republik Korea berjumlah USD2,000 juta pada 4 Julai sebagai tambahan kepada pengaturan swap sedia ada di bawah Inisiatif Miyazawa yang berjumlah USD5,000 juta. Sementara itu, pada 30 Julai dan 27 Ogos, Jepun telah memeterai pengaturan swap *dolar-baht* dan *dolar-peso*

dengan Thailand dan Filipina yang masing-masing berjumlah USD3,000 juta. Manakala, pada 5 Oktober, Jepun dan Malaysia turut memperbaharui pengaturan swap berjumlah USD2,500 juta yang tanpa syarat IMF di bawah Inisiatif Miyazawa dan memeterai pengaturan swap *dolar-ringgit* bernilai USD1,000 juta. Malaysia akan mengadakan pengaturan swap yang sedemikian dengan China dan Republik Korea pada masa hadapan.

Satu lagi perkembangan penting dalam kerjasama Asia Timur adalah persetujuan Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 untuk menubuhkan **Kumpulan Kerja** bertujuan mengkaji cara-cara meningkatkan keberkesanan kajian ekonomi dan dialog polisi di kalangan negara-negara anggota. Kumpulan Kerja yang dipengerusikan bersama oleh Malaysia dan Jepun merangkumi wakil-wakil dari kesemua anggota ASEAN+3 dan Urusetia ASEAN akan menggubal terma-terma rujukan termasuk skop dan jadual aktiviti.

Menteri-Menteri Kewangan ASEAN telah melaksanakan kajian sesama mereka serta bertukar-tukar pendapat berhubung dengan perkembangan dan prospek ekonomi serantau di bawah **Proses Pemantauan ASEAN (ASP)** yang telah ditubuhkan pada tahun 1998, bagi tujuan melaksanakan pemantauan ekonomi serantau dan memberi amaran awal sebelum berlakunya krisis kewangan. Satu lagi pencapaian penting Menteri-Menteri Kewangan ASEAN adalah **Program Kerja Kewangan** di bawah **Pelan Tindakan Hanoi (HPA)**. Program ini yang telah dilancarkan semasa Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN pada bulan Disember 1999 bertujuan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi serta meningkatkan integrasi ekonomi di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah Program Kerja Kewangan adalah cadangan untuk meningkatkan penggunaan mata wang negara-negara anggota ASEAN, membangunkan pasaran modal, mengawalselia aliran modal serta meliberalisasikan perkhidmatan kewangan. Kajian separuh penggal mengenai kemajuan Pelan Tindakan Hanoi akan dibentangkan semasa Sidang Kemuncak Ketua-Ketua ASEAN pada November termasuk kajian semula ke atas Program Kerja Kewangan.

Pencapaian lain oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN termasuk usaha untuk menyelaraskan undang-undang dan peraturan insurans serta memudahkan pengangkutan dan memperbaiki sistem logistik di rantau ASEAN. Di bidang kerjasama insurans, penubuhan **Institut Penyelidikan dan Latihan Insurans ASEAN** telah diumumkan oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN pada April di Kuala Lumpur. Institut tersebut akan berfungsi sebagai pusat latihan utama bagi kedua-dua pihak pengawalselia dan pengamal serta menjalankan kajian berhubung isu-isu yang berkepentingan bersama. Menteri-Menteri Kewangan ASEAN juga menandatangani perjanjian berkaitan dengan **Skim Insurans Wajib ASEAN Bagi Kenderaan Bermotor** pada April bertujuan memudahkan bayaran pampasan kepada mangsa kemalangan jalanraya yang disebabkan oleh kesalahan pemandu dan pengusaha kenderaan transit.

Usaha-usaha untuk **meliberalisasikan perkhidmatan kewangan** di kalangan negara-negara anggota ASEAN terus dilaksanakan. Dalam hubungan ini, negara-negara anggota sedang memuktamadkan usaha untuk meningkatkan liberalisasi sektor kewangan di bawah Perjanjian Rangkakerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan (AFAS). Rundingan yang sedang dilaksanakan tertumpu kepada peningkatan tahap penglibatan asing dari segi pegangan saham ekuiti dan kemahiran di peringkat pengurusan dalam sektor perbankan dan insurans. Rundingan ini dijangka disempurnakan sebelum akhir tahun 2001 dengan menandatangani Protokol Bagi Melaksanakan Pakej Komitmen Mengenai Perkhidmatan Kewangan di bawah AFAS.

Mesyuarat Kelapan Menteri-Menteri Kewangan APEC yang telah diadakan pada bulan September di Suzhou, China tertumpu kepada usaha-usaha menggalakkan pertumbuhan mapan dan luas bagi meningkatkan kemakmuran di rantau APEC. Menteri-Menteri Kewangan APEC telah bersetuju bahawa proses globalisasi harus memanfaatkan semua negara secara saksama dan adil. Kemajuan telah dicapai terutamanya dalam usaha mengukuhkan sistem kewangan, termasuk peraturan dan penyeliaan perbankan, menambahbaik pentadbiran ekonomi dan korporat, mengukuhkan ketelusan kewangan serta mengadakan peraturan demi meningkatkan disiplin

pasaran ke atas institusi kewangan dan korporat, menggalakkan e-kewangan dan membangunkan jaringan keselamatan sosial. Menteri-Menteri Kewangan APEC juga telah menjalankan satu kajian strategik ke atas mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan bertujuan memudahkan tugas APEC dilaksanakan dengan cekap secara keseluruhannya dan di forum antarabangsa yang lain. Berhubungan dengan ini, Menteri-Menteri Kewangan APEC telah bersetuju untuk menetapkan matlamat strategik untuk menggalakkan dasar yang kukuh dan menyakinkan serta cara mencapai matlamat tersebut.

Di peringkat kerjasama di antara rantau Asia dan Eropah, **Mesyuarat Ketiga Menteri-Menteri Kewangan ASEM** yang telah diadakan di Kobe, Jepun pada Januari telah mengkaji perkembangan ekonomi dan kewangan di Asia dan Eropah, regim kadar pertukaran, inisiatif-inisiatif kerjasama termasuk ASEM Trust Fund II, Projek Penyelidikan Kobe dan kerjasama kastam serta mengukuhkan sistem kewangan antarabangsa. Menteri-Menteri Kewangan ASEM bersetuju bahawa sesebuah negara berhak memilih kadar pertukarannya sendiri bergantung kepada saiz ekonomi, struktur perdagangan, penyusunan liberalisasi akaun modal dan tahap perkembangan ekonomi masing-masing. Mesyuarat juga bersetuju bahawa tiada satu regim kadar pertukaran yang sesuai bagi semua negara sepanjang masa dan daya tahannya boleh dicabar akibat daripada kelemahan sistem kewangan antarabangsa yang harus diperkukuhkan. Memandangkan pergolakan dalam pasaran pertukaran asing mencerminkan ketidakselarasan di kawasan mata wang Kumpulan 3 (G-3 yang meliputi negara-negara AS, Jepun dan Eropah), maka negara-negara G-3 diseru untuk menyelaraskan dasar masing-masing bagi mengurangkan risiko penyesuaian kecelaruan dalam pasaran pertukaran asing demi mengelakkan kesan negatif ke atas ekonomi global.

Memperkukuhkan Arkitektur Kewangan Antarabangsa

Dalam usaha memastikan persekitaran ekonomi global yang lebih menggalakkan, pelbagai forum serantau dan antarabangsa telah menumpukan

kepada usaha pengukuhan arkitektur kewangan antarabangsa (IFA). Kemajuan dalam pembaharuan IFA adalah perlahan terutamanya dari segi pelaksanaan pelbagai cadangan dan syor. Walau bagaimanapun, terdapat kemajuan yang dicapai dalam memperkenalkan peraturan berhemat bagi menggalakkan aliran modal merentasi sempadan secara teratur. Kumpulan Kerja Forum Kestabilan Kewangan (FSF) mengenai Aliran Modal yang pada awalnya menumpukan perhatian kepada aliran hutang, kini bersetuju bahawa pemantauan dan pengurusan risiko yang berkesan ke atas aliran modal juga perlu meliputi maklumat mengenai aliran bukan hutang memandangkan ia tidak stabil dan boleh membawa kepada risiko sistemik. Syor-syor Kumpulan Kerja FSF mengenai Pusat Kewangan Luar Pesisir (OFC) juga disusuli oleh IMF dengan tujuan memastikan ketelusan dan penyeliaan aktiviti OFC yang lebih berkesan. Seterusnya, terdapat persetujuan bahawa kawalan modal sementara boleh digunakan sebagai langkah berhemat untuk memulihkan kestabilan dan penstrukturan semula ekonomi dan kewangan. Terdapat juga persetujuan bahawa liberalisasi akaun modal perlu dilaksanakan secara teratur di mana negara-negara yang menerimanya boleh menentukan perlindungan masing-masing selaras dengan tahap pembangunan sistem kewangan dan rangka kerja penyeliaan domestik.

Walaupun terdapat kemajuan dalam pembaharuan IFA, namun masyarakat antarabangsa harus mengekalkan usaha gigih bagi memastikan proses pembaharuan diteruskan. Kemajuan dalam usaha meningkatkan ketelusan sektor awam dan swasta yang seimbang bagi menggalakkan pasaran kewangan yang lebih berkesan didapati masih perlahan. Keperluan mengawalselia secara langsung aktiviti institusi berleveraj tinggi (HLI) telah dititikberatkan, terutamanya kerana HLI mempunyai kesan ketidakstabilan yang tinggi ke atas pasaran pertukaran asing dan pasaran modal yang kecil di ekonomi-ekonomi baru. Dalam hubungan ini, mekanisme global perlu mengawalselia dan menguruskan aliran modal bagi memastikan pasaran kewangan antarabangsa berfungsi dengan cekap dan mengurangkan risiko-risiko

ketidakstabilan yang berlebihan dalam aliran modal antarabangsa. Satu lagi elemen yang penting bagi mengukuhkan IFA ialah keperluan kepada pembaharuan dalam institusi kewangan antarabangsa seperti IMF serta institusi kewangan antarabangsa dan serantau yang lain. IMF terutamanya, perlu mempergiatkan ketelusan dan akauntabiliti, menumpukan semula perhatian ke atas fungsi-fungsi asas serta memperbaiki keupayaan menangani masalah. Sementara beberapa kemajuan telah dicapai terutamanya dalam penyusunan semula kemudahan IMF dan penubuhan badan penyelia luar yang bebas untuk memastikan akauntabiliti yang lebih baik di dalam dasar yang dicadangkan kepada ahli-ahlinya, banyak lagi usaha-usaha lain yang perlu dipergiatkan. Di dalam konteks ini, adalah perlu persetujuan segera dicapai ke atas formula peruntukan kuota IMF yang dapat mencerminkan pembangunan ekonomi dan sistem kewangan dunia yang lebih baik dan memastikan penglibatan yang lebih luas oleh negara-negara membangun dalam proses membuat keputusan IMF.

Kepentingan memperkukuhkan IFA telah dibangkitkan semula semasa Sidang Kemuncak Kumpulan 15 pada Mei di Jakarta. Bagi mencapai matlamat ini, Malaysia telah mengatur satu **Mesyuarat Pakar G-15** untuk mengkaji usaha semasa ke atas isu-isu IFA bagi mengemukakan cadangan yang bernas dan berkesan dalam menyuarakan pendirian negara-negara membangun terhadap pembaharuan IFA di pelbagai forum antarabangsa.

Tinjauan bagi 2002

Prospek pertumbuhan dunia bagi tahun 2002 amat bergantung kepada tempoh dan tahap kelembapan ekonomi AS. Serangan ke atas AS pada 11 September boleh menjerumuskan ekonominya ke arah pertumbuhan negatif, sekiranya keyakinan pengguna dan sentimen pelabur turun secara mendadak. Usaha-usaha pembinaan dan pemulihan semula serta tuntutan insurans dijangka menelan kos yang sangat tinggi. Di samping itu, kejatuhan dalam pasaran saham AS yang luarbiasa telah menyebabkan penjualan semula saham AS secara besar-besaran di bursa

KESAN SERANGAN 11 SEPTEMBER KE ATAS AMERIKA SYARIKAT : APA KATA PENGANALISA

Serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat dijangka memberi kesan dan implikasi yang meluas kepada pertumbuhan ekonomi dunia serta industri yang berkaitan dengan sektor perjalanan. Di samping impak serta merta ke atas pasaran saham dunia dan pengalihan tumpuan kerajaan AS kepada usaha-usaha pemulihan dan pembinaan semula, ahli ekonomi seluruh dunia sedang menilai kerugian kewangan dan monetari berikutan daripada serangan tersebut. Tuntutan insurans dan kehilangan pekerjaan semakin meningkat, terutamanya dalam industri penerbangan, perhotelan dan perjalanan. Dengan perkembangan yang masih sukar diramal, usaha membuat unjuran pertumbuhan ekonomi menjadi semakin rumit. Beberapa petikan di bawah ini yang menggambarkan sebahagian daripada kesan awal akibat serangan tersebut diambil daripada pelbagai sumber.

Membuat Unjuran Ekonomi

"Serangan pengganas ini merupakan peristiwa yang belum pernah dialami dari segi saiz dan organisasi hinggakan meragut jiwa yang amat menyayatkan. Ini menyulitkan usaha membuat perbandingan dengan krisis sebelum ini dan begitu juga bagi meramal terhadap apa yang akan berlaku seterusnya." – Nota penyelidikan, ING Barings, 11 September.

"...kejutan 11 September merupakan satu kemusnahan yang dahsyat. Kelembapan global yang berpunca daripada AS tiba-tiba menjadi satu perkembangan baru yang sukar diramal.....peristiwa ini menunjukkan seolah-olah risiko yang dihadapi mungkin lebih tinggi daripada yang dijangka dan ianya akan berlarutan lebih lama lagi..... sudah pasti tahap ketidaktentuan adalah amat tinggi dalam membuat unjuran makro... kami mengurangkan lagi unjuran kadar pertumbuhan KDNK dunia ke paras yang lebih rendah bagi tahun 2002 daripada 3.0% kepada 2.25%." – Morgan Stanley Economists, Global Economic Forum, 21 September.

"...implikasi serangan pengganas dengan jelasnya melampaui bidang ekonomi. Perlu diingat, ianya berlaku pada masa ekonomi global mengalami keadaan yang sukar." – Graham Hacche, External Relations Department, IMF, 26 September.

Pelancongan: Suatu bencana besar

"Penginapan hotel di AS.....mula merosot dengan ketara selepas kapal terbang tidak dibenarkan melakukan penerbangan pada 11 September.... daripada 16 sehingga 22 September, kadar purata penginapan kini 52%, iaitu merosot 26% berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Kadar penginapan di Washington, D.C., di mana Pentagon diserang dan lapangan terbang Reagan National Airport ditutup, merosot dengan ketara sebanyak 52%. Di New York yang mengalami serangan ke atas World Trade Centre telah menyaksikan kejatuhan kadar penginapan sebanyak 42%." – USA Today, 28-30 September.

"Syarikat penerbangan, hotel dan agensi pelancongan seluruh Asia dan Eropah menghadapi peningkatan pembatalan tempahan apabila pelawat menangguh atau membatalkan perjalanan kerana bimbang keselamatan dan kemungkinan berlakunya tindakan ketenteraan lanjutan daripada serangan ganas ke atas Amerika Syarikat pada minggu lepas..... pembatalan sejak serangan tersebut mungkin menyebabkan syarikat Jepun menanggung kos sebanyak Y50 bilion (USD428 juta) sehingga bulan depan.....di Hong Kong, kedatangan pelawat dari Amerika Syarikat, Eropah, Timur Tengah dan India telah merosot 50% pada minggu lepas.....seluruh negara Asia akan teruk terjejas oleh pengurangan ketibaan pelawat dari Amerika Syarikat, memandangkan kebanyakan ekonomi-ekonomi negara tersebut amat bergantung kepada industri pelancongan." – International Herald Tribune, 21 September.

"Pembatalan rombongan pelancong dan tempahan hotel telah mencecah sehingga 85% di beberapa negara Timur Tengah sejak 11 September.....Jordan telah melaporkan kadar pembatalan kedatangan pelancong sebanyak 85%, iaitu negara yang paling terjejas di rantau berkenaan. Di Iran, kadar pembatalannya sebanyak 80%, di mana kerajaannya telah memajukan industri pelancongan yang menghasilkan sebanyak USD800 juta setahun." – USA Today, 4 October

Syarikat Penerbangan: Kehilangan pekerjaan, pemberhentian sementara perkhidmatan kapal terbang, penggantungan penerbangan...

ALITALIA

- Memberhentikan 4,000 pekerja.
- Mengurangkan jumlah penerbangan sebanyak 15%.

DELTA AIRLINES

- Memberhentikan 13,000 pekerja.
- Mengurangkan kapasiti sebanyak 15%.
- Pemberhentian sementara perkhidmatan 60 kapal terbang.

QANTAS

- Memberhentikan 10% kakitangan eksekutif.
- Membekukan kenaikan gaji pengurusan atasan.

AIR CANADA

- Mengurangkan 5,000 pekerja.
- Mengurangkan kapasiti sebanyak 20%
- Pemberhentian sementara perkhidmatan 84 kapal terbang.

KLM

- Memberhentikan 2,500 pekerja.
- Mengurangkan kapasiti sebanyak 15%.

SAS SCANDINAVIAN AIRLINES

- Memberhentikan 1,100 pekerja.
- Mengurangkan kapasiti sebanyak 12%
- Kenaikan tambang sebanyak 5% bagi semua penerbangan.

BRITISH AIRWAYS

- Memberhentikan 7,000 pekerja.
- Mengurangkan kapasiti sebanyak 9%.
- Pemberhentian sementara perkhidmatan 20 buah kapal terbang.
- Membekukan kenaikan gaji 36,000 pekerja bagi tahun 2002.

NORTHWEST AIRLINES

- Memberhentikan 10,000 pekerja.

SWISSAIR

- Memberhentikan 9,000 pekerja di semua cawangannya seluruh dunia.
- Mengurangkan tambang bagi menarik pelanggan.

Dipetik daripada pelbagai sumber.

Tuntutan Insurans

"Industri insurans mentafsirkan malapetaka sebagai suatu kejadian yang mengakibatkan tuntutan sebanyak USD25 juta. Mengikut definasi tersebut, serangan ini adalah sama dengan satu ribu malapetaka. Jumlah tuntutan bagi kemusnahan empat buah kapal terbang, harta benda World Trade Centre dan sebahagian besar bangunan Pentagon dianggarkan melebihi USD25 bilion, menjadikan serangan 11 September sebagai malapetaka yang menelan kos tuntutan tertinggi yang belum pernah dialami oleh syarikat-syarikat insurans." - Newsweek, 24 September.

"Jumlah tuntutan insurans dan komplikasi yang berkaitan dengannya selepas serangan ke atas World Trade Centre pada minggu lepas mencapai ke paras yang tertinggi. Anggaran kos keseluruhan bagi industri insurans adalah dalam lingkungan USD30 bilion, di mana Lloyd's daripada London menanggung jumlah yang paling besar.....firma insurans bukan hayat akan menghadapi tuntutan yang lebih tinggi. Kedua-dua menara WTC telah mendapat perlindungan insurans sebanyak USD3.2 bilion, manakala kapal terbang yang merempuh menara tersebut telah diinsuranskan sebanyak USD1.75 bilion bagi setiap kejadian, di samping terdapat tuntutan-tuntutan kecil lain berkaitan dengan harta benda dan kehilangan nyawa." - The Economist, 20 September.

saham dan pasaran kewangan utama dunia yang lain. Nilai mata wang AS juga dijangka mengalami tekanan apabila para pelabur menjual mata wang tersebut dan membeli mata wang lain yang lebih kukuh.

Keadaan ketidaktentuan ini akan bertambah teruk berikutan ekonomi Jepun yang menguncup. Ketidakpastian prestasi Jepun seterusnya akan menghakiskan keyakinan dan memburukkan lagi keadaan deflasi yang sedia ada. Sebagai ekonomi yang kedua terbesar di dunia, kelembapan yang berterusan di Jepun boleh memburukkan lagi keadaan ketidakstabilan pasaran kewangan global yang sedia ada dan menjejaskan pemulihan awal ekonomi serantau berasaskan peranan Jepun sebagai sumber pelaburan langsung di rantau ini serta sebagai pasaran bagi eksport dari Asia.

Memandangkan ekonomi AS merupakan ekonomi terbesar di dunia yang menyumbang sebanyak 20% pengeluaran dan eksport dunia, tempoh dan tahap kelembapan ekonominya akan membawa kesan terhadap ekonomi negara-negara lain. Penguncupan ekonomi Jepun, sekiranya berterusan, akan memburukkan lagi prestasi ekonomi dunia.

Namun demikian, pentadbiran AS telah mengambil beberapa langkah bagi memulihkan sentimen pelabur dan keyakinan pengguna serta

mengurangkan kejatuhan yang berterusan dalam pasaran ekuiti. Fed telah bertindakbalas dengan meningkatkan kecairan dalam pasaran. Lanjutan daripada itu, Fed telah juga melaksanakan beberapa potongan kadar faedah. Kongres AS pula telah meluluskan peruntukan fiskal berjumlah USD40,000 juta, terutamanya untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan, pembinaan semula dan sumbangan kepada mangsa-mangsa serangan serta sejumlah USD15,000 juta untuk menyelamatkan industri penerbangan daripada kebangkrutan. Usaha selanjutnya sedang diambil untuk memperuntukkan pakej rangsangan ekonomi tambahan yang berjumlah sebanyak USD75,000 juta.

Pihak berkuasa kewangan lain di dunia telah juga menyahut usaha pihak berkuasa di AS dengan menambahkan kecairan mata wang yang bertujuan mengurangkan tahap ketidakstabilan pasaran kewangan. Bank-bank pusat utama telah menyelaraskan tindakan bagi mengurangkan lagi kadar faedah bertujuan meningkatkan keyakinan. Segala usaha yang diambil ini dijangka membantu ekonomi dalam menghadapi kesan insiden 11 September serta mengurangkan kemerosotan ekonomi benar dan pasaran kewangan. Prospek bagi ekonomi dunia dijangka bertambah baik dengan peningkatan pertumbuhan mulai penghujung 2002.